

20 JUL 2003

Pelancongan-Masalah (Analisis Berita)/I
MENANGANI KELESUAN SEKTOR PELANCONGAN

Oleh: P.Vijian

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pelancongan merupakan satu daripada perniagaan yang sedang berkembang pesat di negara ini. Selain membantu memperkenalkan warisan negara, keindahan pantai tropika dan cara hidup rakyat Malaysia yang beraneka budaya kepada dunia, sektor ini turut menghasilkan pendapatan lumayan kepada negara.

Sektor pelancongan menjana pendapatan berjumlah berbilion ringgit setiap tahun dan bertindak sebagai penyelamat ekonomi Malaysia semasa negara ini dilanda krisis kewangan tidak lama dulu. Tahun lepas, kira-kira 13 juta pelawat berkunjung ke negara ini dan dengan kehadiran mereka, Malaysia meraih pendapatan berjumlah RM24 bilion - sumber tukaran asing kedua terbesar selepas petroleum.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, industri pelancongan kelihatan dihinggapai beberapa rencatan kecil. Para pengusaha pelancongan berpendapat, sekiranya perkara ini tidak segera diubati, pertumbuhan sektor ini akan tergendala.

Serangan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan ancaman keganasan dengan jelas menunjukkan kepada kita betapa rapuhnya daya tahan yang dimiliki oleh perniagaan dalam bidang pelancongan.

Semasa berlangsungnya Dialog Pelancongan anjuran akhbar The New Straits Times-Travel Times di sini Rabu lepas, kira-kira 200 pengusaha industri pelancongan telah mengambil kesempatan untuk melahirkan kebimbangan dan masalah yang mereka hadapi selama ini.

Mereka memperkatakan tentang pelbagai isu termasuk kesukaran mendapatkan bantuan kewangan, ketiadaan usaha secara tersusun dan terarah bagi menangani krisis, keadaan pengangkutan awam yang tidak boleh diharapkan dan masalah mendapatkan pekerja mahir.

"Sektor ini tidak melakukan apa yang sepatutnya dilakukan dan perlu meletakkan kedudukannya di landasan yang betul untuk menghadapi masa depan," kata Pengerusi Bioven Sdn Bhd, Datuk Mukhriz Mahathir kepada Bernama selepas majlis itu.

"Ia perlu mempunyai lebih daya tahan untuk menghadapi krisis," kata beliau bagi merujuk kepada masalah yang sedang dihadapi akibat SARS dan keganasan.

Sesungguhnya, beliau memang mempunyai sebab untuk berasa bimbang. Menurut Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, kedatangan pelancong ke negara ini dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini merosot kepada 3.8 juta berbanding 5.33 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Kemerosotan ini sebahagian besarnya berpunca daripada SARS yang melanda rantau ini. Kejatuhan jumlah pelancong yang datang ke negara ini menyebabkan pengusaha hotel dan tempat peranginan, ejen pelancongan, pemandu pelancong dan pengusaha perkhidmatan pengangkutan teruk terjejas kerana kebanyakan mereka bergantung kepada wang yang dibelanjakan oleh pelancong.

Apa yang memburukkan lagi keadaan ialah mereka yang terjejas ini tidak berupaya mendapatkan bantuan kewangan bagi menyelamatkan perniagaan masing-masing ketika dilanda masalah. Malah, pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion yang diperkenalkan oleh kerajaan, yang antara lain, bertujuan menggerakkan industri itu, tidak dapat mereka kecapai.

Mengenai hal ini, seorang pengusaha pelancongan berkata: "Bank tidak sedar tentang peruntukan yang diberi oleh kerajaan manakala untuk mendapatkan pinjaman pula, memerlukan proses yang panjang."

Ini hanyalah sekelumit daripada masalah yang mereka hadapi bagi mendapatkan pembiayaan.

Majlis dialog itu juga diberitahu bahawa kebanyakan bank tidak begitu memahami perjalanan sektor pelancongan dan inilah antara sebabnya mengapa para pengusaha begitu sukar untuk mendapatkan pinjaman.

"Bank kurang tahu tentang perniagaan pelancongan dan oleh itu penggerak industri ini perlu menimbulkan kesedaran mereka mengenainya. Kita perlu atasi masalah ini," kata presiden dan ketua pegawai eksekutif Affin Merchant Bank Bhd, Datin Zuraidah Atan.

Menurut beliau, terdapat kira-kira enam jenis dana yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia untuk menceburi perniagaan pelancongan - seperti membina hotel dan tempat peranginan, mengusahakan perkhidmatan pengangkutan dan restoran.

Bagaimanapun, beliau mengakui, daripada kesemua dana yang ada, tiada satu pun disediakan khusus bagi membiayai semula peniagaan berkaitan pelancongan.

"Tiada siapa yang ingin membiayai semula produk pelancongan seperti hotel kerana ia memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi sekarang ini," katanya.

Selain masalah yang telah disebutkan tadi, sektor pelancongan mempunyai terlalu banyak peraturan dan turut melibatkan terlalu banyak agensi. Contoh paling baik ialah dalam proses mendapatkan lesen. Walaupun Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah diwujudkan sejak 1983, tetapi ia tidak mempunyai pusat sehati untuk menyelaras industri ini.

"Pada mulanya, terdapat hanya satu agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen (Kementerian Pengangkutan), kemudian ada dua, dan kini tiga agensi pula yang terlibat. Kita patut mansuhkan permit dan lesen untuk teksi dan kereta sewa," kata Pengerusi Air Asia, Datuk Pahamin A.Rajab.

"Industri pelancongan mestilah mempunyai peraturan tersendiri. Lebih baik integrasinya, maka lebih berkesanlah peraturan yang dimilikinya," kata Pahamin, yang pernah menyandang jawatan ketua pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan.

Menurut Mukhriz, satu lagi kelemahan ialah kurangnya penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara komprehensif - satu aspek yang amat penting dalam memajukan sektor pelancongan negara bagi membolehkannya terus berdaya saing di pasaran global.

"Kita perlu kaji siapakah yang melawat Malaysia, dari mana mereka datang dan bagaimana mereka berbelanja. Profil pelancong amat penting dan kajian menyeluruh mengenainya amat berguna," kata beliau.

Para peserta dialog itu juga berpendapat bahawa Malaysia perlu mempunyai satu dasar pelancongan yang menggariskan peraturan mengenai pengangkutan, hotel dan pengeluaran lesen.

Satu lagi perkara yang begitu terserlah pada dialog ini ialah ketiadaan komunikasi yang berkesan antara agensi yang terlibat dalam perniagaan pelancongan dengan sektor swasta - pihak yang memainkan peranan penting dalam memajukan sektor berkenaan.

Malah, seorang peserta tidak menyedari tentang wujudnya jawatankuasa pengurusan krisis yang ditubuhkan semasa timbulnya serangan SARS tidak berapa lama dulu sehinggalah beliau menghadiri dialog itu.

Pelancongan adalah suatu industri yang aneh. Menurut Pengarang Kumpulan New Straits Times, Datuk Ahmad A.Talib, yang mempengerusikan sidang pleno dialog itu "ia adalah industri dari rakyat, untuk rakyat."

Oleh itu, sudah semestinyalah industri ini memerlukan lebih daripada satu pihak untuk menjadikan ia berjaya - daripada pembuat dasar hinggalah kepada pemandu teksi yang saban hari terpaksa mengharungi kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

VP AU SP RON